

Abu 'Isa berkata: "Hadits ini *hasan gharib*.⁷⁷ Kita tidak mengetahuinya melainkan daripada hadits Isra'il daripada Yusuf bin Abi Burdah.⁷⁸ Abu Burdah adalah anak kepada Abu Musa. Namanya ialah 'Aamir bin 'Abdillah (Abu Musa) bin Qais al-Asy'ari."⁷⁹

kepada Allah samalah dengan bersyukur orang-orang lain kepadaNya. (5) Walaupun salah silap yang ditaqdirkan berlaku pada diri Rasulullah s.a.w. dan para rasul yang lain itu tidaklah sampai ke tahap dosa, namun mereka tetap berasa bersalah dan malu kepada Allah. Perasaan itulah yang mendorong mereka beristighfar kepada Allah, seolah-olahnya mereka telah benar-benar melakukan dosa. (6) Istighfar Rasulullah s.a.w. bukan untuk diri Baginda sendiri, tetapi untuk sekalian umatnya. (7) Rasulullah s.a.w. beristighfar bukan kerana beliau sendiri telah melakukan dosa, tetapi untuk mengajar umatnya yang tidak ma'shum bagaimana cara beristighfar. (8) Darjat dan martabat Rasulullah s.a.w. sentiasa meningkat di sisi Allah dengan sebab amal saleh yang dilakukan oleh Baginda. Setiap kali Rasulullah s.a.w. menaiki satu darjat, dirasainya darjat yang dicapainya sebelum itu ada taqshir dan kekurangannya. Kerana itulah Baginda s.a.w. beristighfar. **Biar apa pun, mengucapkan غُفْرَانِكَ** setelah keluar dari tempat membuang air adalah satu Sunnah Nabi s.a.w. Bukan itu sahaja Sunnah Nabi s.a.w., malah terdapat bermacam-macam lagi ucapan yang boleh diucapkan apabila keluar dari tandas. Antaranya ialah yang tersebut di dalam hadits Ibnu Majah tadi. Rasulullah s.a.w. kadang-kadang mengucapkan doa itu, kadang-kadang pula doa ini. Sesetengah 'ulama' berpendapat kedua-duanya boleh dihimpunkan serentak. **Keadaan-keadaan di mana terdapat doa-doa** atau zikir-zikir khusus yang dinukilkan daripada Nabi s.a.w. untuknya dipanggil الأحوال المتواردة. Seperti doa ketika hendak masuk ke dalam masjid, ketika keluar daripadanya, ketika hendak tidur, ketika angin bertiup kencang, ketika menaiki kenderaan, ketika hendak masuk ke dalam pasar, ketika memakai baju baharu, ketika hendak bersetubuh, ketika hendak masuk ke dalam tandas, ketika keluar daripadanya dan lain-lain. Kata Shah Waliyyullah di dalam kitabnya Hujjatullah al-Baalighah: "Sebabnya agama Islam menentukan zikir-zikir dan doa-doa tertentu untuk keadaan-keadaan yang berbeza-beza ialah supaya ia dapat menjadi penawar bagi racun kelalaian (manusia daripada mengingati Tuhannya)." Satu perkara yang perlu sangat difahami ialah menadah tangan ketika berdoa dalam الأحوال المتواردة adalah menyalahi Sunnah Nabi s.a.w. Ini kerana doa-doa itu lebih bersifat zikir daripada doa-doa biasa yang disyariatkan untuk meminta sesuatu hajat dan kehendak manusia yang sentiasa berubah-ubah. Itulah sebabnya tidak pernah tersebut di dalam mana-mana hadits, Nabi s.a.w. pernah mengangkat atau menadah tangan ketika berdoa sebelum masuk tandas, ketika mula menaiki kenderaan, ketika hendak masuk ke dalam masjid dan lain-lain. Menadah atau mengangkat tangan hanyalah Sunnah dalam keadaan-keadaan selain الأحوال المتواردة tersebut.

⁷⁷ Imam Tirmizi di dalam kitab Jaami'nya ini selalu berkata begini: "Hadits ini *hasan gharib*." Jika *hasan* dan *gharib* yang dikatakan oleh Tirmizi itu dipakai menurut ta'rif dan istilah yang diterima pakai oleh jumhur 'ulama', maka tidak ada halangan untuk kedua-duanya berkumpul serentak dalam satu masa pada hadits yang sama. Sebabnya ialah hasannya sesuatu hadits meruju' kepada sifat perawi hadits berkenaan daripada segi hafalan dan keadilannya. Gharibnya sesuatu hadits pula meruju' kepada kebersendirian perawinya. Persoalan timbul tentang bagaimana sifat *hasan* dan *gharib* boleh berkumpul pada hadits yang sama, apabila ia dipakai menurut ta'rif dan istilah Imam Tirmizi? Ini kerana hadits *hasan* menurut ta'rif dan istilah Tirmizi seperti mana disebutkan beliau sendiri di dalam Kitab al-'Ilalnya adalah: وَمَا ذَكَرْنَا فِي هَذَا الْكِتَابِ حَدِيثٌ حَسَنٌ فَإِنَّمَا أَرَدْنَا

بِهِ حُسْنُ إِسْنَادِهِ عِنْدَنَا كُلُّ حَدِيثٍ يُرْوَى لَا يَكُونُ فِي إِسْنَادِهِ مَنْ يَنْتَهِي بِالْكَذِبِ وَلَا يَكُونُ الْحَدِيثُ شَاذًا وَيُرْوَى مِنْ غَيْرِ وَجْهِ نَحْوُ
 ذَاكَ فَهُوَ عِنْدَنَا حَدِيثٌ حَسَنٌ Bermaksud: “Apa yang kami sebut di dalam kitab ini sebagai hadits hasan, sebenarnya kami maksudkan elok isnadnya di sisi kami. (Iaitu) Setiap hadits yang diriwayatkan dalam keadaan tidak ada di dalam isnadnya orang yang dituduh dusta. Hadits itu pula bukan syaz dan ma`nanya diriwayatkan bukan melalui satu saluran riwayat sahaja, maka itulah hadits hasan di sisi kami.” Jadi syarat hadits hasan di sisi Tirmizi ialah sesuatu hadits yang di dalam isnadnya tidak terdapat perawi yang dituduh dusta, selain ia tidak syaz dan ma`nanya tidak diriwayatkan melalui satu saluran riwayat sahaja. Hadits yang pada asalnya dha`if sekalipun apabila mencukupi syarat di atas akan dinilai hasan jika *thuruqnya* (saluran riwayatnya) banyak. Hadits gharib pula menurut ta`rif dan istilah beliau ialah: **كل حديث يروى ولا يروى إلا من وجه واحد** Bermaksud: “Setiap hadits yang hanya diriwayatkan menerusi satu saluran sahaja.” Ini bererti ada percanggahan di antara dua macam hadits itu di sisi beliau. Hadits hasan ialah yang tidak diriwayatkan melalui satu saluran riwayat sahaja. Hadits gharib pula ialah hadits yang hanya diriwayatkan menerusi satu saluran sahaja. Mengatakan kedua-duanya dalam satu masa ada pada sesuatu hadits sama seperti mengatakan seseorang hidup dan mati pada masa yang sama. Jadi kalau begitu apakah maksud Imam Tirmizi berkata hadits ini hasan gharib? Beberapa jawapan telah diberikan oleh para `ulama` hadits. Antaranya: (1) Di dalam rantaian isnad, adakalanya terdapat *tafarrud perawi* (kebersendirian perawi) yang merupakan *madaar isnad* (paksi isnad) pada mana-mana peringkat. Kerana itulah isnadnya dikatakan *gharib*. Padahal perawi-perawi sebelum dan selepasnya bukan seorang sahaja. Mungkin dua orang atau lebih lagi dari itu. Kerana itulah pula ia dikatakan hasan. Jawapan ini tidak tepat dan tidak disenangi banyak pihak, kerana kalau begitulah keadaannya tentu tidak ada lagi apa yang dinamakan hadits *gharib*. Justeru tentu ada di mana-mana peringkat rantaian isnad dua orang atau lebih yang akan membolehkan anda menghukum isnadnya sebagai hasan pula. (2) Hafiz Ibnu Hajar di dalam syarah Nukhbahnya mengatakan Imam Tirmizi ada ketikanya tidak memakai istilah beliau apabila menghukum sesuatu hadits sebagai *hasan*. Beliau tidak memaksudkan *hasan* menurut istilah beliau sendiri itu pada semua tempat. *Hasan* menurut istilah beliau hanya terpakai apabila beliau mengatakan *hasan* sahaja tanpa digandingkan dengan hukum-hukum yang lain. Apabila hasan digandingkan dengan *gharib* misalnya, dalam keadaan itu istilah *hasan* yang dipakai beliau adalah sebagaimana yang difahami `ulama`-`ulama` hadits lain. Maka tiada lagi sebab yang menghalang kedua-dua istilah *hasan* dan *gharib* itu digandingkan. (3) Jawapan yang diberikan oleh Ibnu as-Shalah di dalam Muqaddimahnyalah ialah *hasan* mengikut ta`rifan Imam Tirmizi yang tersendiri itu hanyalah untuk *hasan lighairih* sahaja. Apabila beliau menggandingkan *hasan* dan *gharib*, maka pada ketika itu hasan yang dimaksudkan oleh beliau ialah *hasan lizatih*. *Hasan lizatih* inilah yang boleh ada serentak bersama-sama *gharib* dalam satu masa pada sesuatu hadits. (4) Menurut Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri, jawapan yang paling tepat akan diperolehi apabila ta`rif hadits *gharib* yang dikemukakan oleh Tirmizi di dalam *Kitab al-Ilal*nya diteliti dan difahami dengan baik. Mari kita lihat apa kata Tirmizi tentang hadits gharib. Kata Tirmizi: **وَمَا ذَكَرْنَا فِي هَذَا الْكِتَابِ حَدِيثٌ غَرِيبٌ فَإِنَّ أَهْلَ الْحَدِيثِ يَسْتَعْرِضُونَ الْحَدِيثَ لِمَعَانٍ رَبِّ حَدِيثٍ يَكُونُ غَرِيبًا لَا يُرْوَى إِلَّا مِنْ وَجْهِ وَاحِدٍ** Bermaksud: “Apa yang kami sebut di dalam kitab ini (Jaami` Tirmizi) sebagai hadits *gharib*, maka (perlulah diketahui bahawa) tokoh-tokoh hadits menganggap sesuatu hadits itu gharib kerana beberapa sebab. (Pertama) Alangkah banyaknya hadits gharib kerana ia tidak diriwayatkan kecuali menerusi satu saluran riwayat sahaja.” Setelah mengemukakan beberapa contoh, Imam Tirmizi berkata pula:

وَرُبَّ حَدِيثٍ إِنَّمَا يُسْتَعْرَبُ لِرِيَادَةِ تَكُونُ فِي الْحَدِيثِ وَإِنَّمَا يَصِحُّ إِذَا كَانَتْ الزِّيَادَةُ مِمَّنْ يُعْتَمَدُ عَلَى حِفْظِهِ Bermaksud: "Alangkah banyaknya hadits yang dianggap *gharib* tidak kerana lain melainkan kerana terdapatnya tambahan di dalam (matan) haditsnya. Hadits seperti ini baru sahih jika tambahan itu dinukilkan oleh orang yang dipercayai tentang hafalannya." Setelah mengemukakan beberapa contoh untuknya, Imam Tirmizi terus berkata: وَرُبَّ حَدِيثٍ يُرَوَّى مِنْ أَوْجِهٍ كَثِيرَةٍ وَإِنَّمَا يُسْتَعْرَبُ لِحَالِ الْإِسْنَادِ Bermaksud: "Alangkah banyaknya hadits yang diriwayatkan melalui banyak saluran. Tetapi ia dianggap *gharib* tidak kerana lain melainkan kerana keadaan isnadnya." Lalu beliau kemukakan pula contoh-contohnya. **Daripada keterangan Tirmizi itu dapat disimpulkan bahawa *gharib* mempunyai tiga ma'na yang berlainan.** (a) Ia boleh bermaksud satu rantai sanad yang mana di salah satu peringkat atau *thabaqat*nya hanya terdapat seorang perawi sahaja. Sedangkan di peringkat atau *thabaqat* yang lain ia mempunyai ramai perawi. Perawi yang seorang itu pula merupakan *madaar* (paksi) kepada hadits tersebut. Maksud Imam Tirmizi di sini ialah *gharib* berlaku hanya pada satu peringkat sahaja. Namun oleh kerana perawi tersebut merupakan *madaar*, maka hadits tersebut menjadi *gharib*. Tetapi jika dilihat kepada ramainya perawi pada *thabaqat* yang lain, hadits itu boleh dikirakan sebagai *hasan*. *Gharib* jenis ini tidak boleh ada pada sesuatu hadits bersama-sama dengan *hasan* menurut istilah Tirmizi. (b) *Gharib* pada *matan* (teks hadits). Ia bererti wujudnya satu *matan* hadits yang berbeza daripada *matan* hadits-hadits lain seumpamanya, sama ada dengan sebab penambahan atau pengurangan lafaz-lafaz tertentu. Hadits-hadits yang tidak terdapat padanya sebarang penambahan atau pengurangan dikatakan *hasan* dan ia dikira sebagai riwayat asas. Sementara saluran hadits yang matannya berbeza daripada yang lain-lain itu pula dikatakan *gharib*. Untuk menemui hadits seperti ini perlulah dijejaki hadits-hadits *fil-bab* yang diisyaratkan oleh Imam Tirmizi di akhir setiap bab. (c) *Gharib* pada *isnad*. Ia bererti wujudnya seorang perawi yang tidak terdapat di dalam mana-mana isnad lain di dalam isnad tertentu bagi sesuatu hadits. Hadits yang terdapat di dalam isnadnya perawi ganjil itu juga dikatakan *gharib*. Dengan berkata *gharib* Imam Tirmizi sebenarnya bermaksud mengisyaratkan kepada *gharib* saluran itu. Dan dengan berkata *hasan* pula beliau maksudkan saluran-saluran lain yang tidak terdapat di dalamnya perawi tersebut. ***Gharib* dengan ma'na (b) dan (c)** boleh berkumpul (ada bersama) pada sesuatu hadits. *Gharib* yang dikatakan bercanggah, bertentangan dan tidak boleh ada bersama dengan *hasan* pada sesuatu hadits hanyalah *gharib* dengan ma'na (a) sahaja. Oleh itu apabila Imam Tirmizi menghukum sesuatu hadits sebagai *hasan gharib*, maka maksud beliau ialah hadits berkenaan ada beberapa saluran riwayatnya, kerana itulah ia dikatakan *hasan*. Disebabkan ada *tafarrud* (kelainan) pada mana-mana *matan* atau sanadnya pula ia dikatakan *gharib*. Kesimpulannya *gharib* yang digandingkan oleh Tirmizi dengan *hasan* itu sama ada ***gharib fil isnad*** (hadits yang isnadnya ganjil atau berlainan daripada isnad-isnad lain) ataupun ***gharib fil matn*** (hadits yang ganjil matannya atau berlainan matannya daripada *matan*-*matan* yang dinukilkan melalui saluran-saluran riwayat yang lain). **Imam Tirmizi telah menghukum** hadits ini sebagai *hasan gharib*. Bagaimanapun keputusan Tirmizi itu tidak dipersetujui oleh kebanyakan 'ulama' hadits. As-Syaukaani misalnya di dalam Nailul Authaarnya menulis: "Hadits ini dikemukakan oleh الخمسة (lima pengarang kitab utama hadits iaitu Imam Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah dan Tirmizi sendiri) kecuali Nasaa'i. Haakim dan Abu Haatim mengatakan hadits ini sahih. Ibnu al-Mulaqqin di dalam al-Badrul Munirnya berkata: "Hadits ini diriwayatkan oleh ad-Daarimi. Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibbaan mengatakan ia

Kami tidak mengetahui ada hadits lain dalam bab ini selain hadits `Aaishah daripada Nabi s.a.w.⁸⁰

sahih.” Imam an-Nawawi di dalam Syarah al-Muhazzabnya berkata hadits ini hasan lagi sahih. Abu Haatim dan al-`Iraaqi berkata, hadits `Aaishah inilah yang paling sahih dalam bab ini.

⁷⁸ Inilah puncunya kenapa Imam Tirmizi mengatakan hadits ini *gharib*. Madaar (paksi) hadits ini ialah Isra`il. Beliau bersendirian (mutafarrid) dalam meriwayatkan hadits ini daripada Yusuf bin Abi Burdah daripada ayahnya (Abi Burdah) daripada `Aaishah r.a. Tidak ada mutaabi`nya dalam meriwayatkan hadits `Aaishah ini.

⁷⁹ Di sini dapat anda lihat salah satu keistimewaan kitab Jaami` Tirmizi. Abu Burdah adalah satu kuniah (nama panggilan). Apakah nama Abu Burdah yang sebenar? Abu Musa, ayah Abu Burdah juga satu kuniah. Apakah nama sebenarnya? Ramai orang tidak mengetahui nama sebenar beliau dan ayah beliau. Kerana itu Imam Tirmizi menyebutkan nama sebenarnya bersama-sama dengan nama sebenar ayahnya. Beginilah salah satu cara Imam Tirmizi memperkenalkan perawi-perawinya.

⁸⁰ Kenyataan Tirmizi ini juga dipertikaikan oleh kebanyakan `ulama` hadits. Kerana bagi mereka ramai lagi sahabat selain `Aaishah turut meriwayatkan hadits dalam bab ini, walaupun lafaznya tidak sama dan boleh dikatakan kesemuanya dha`if. Kata an-Nawawi: “Maksud at-Tirmizi dengan katanya: “Kami tidak mengetahui ada hadits lain dalam bab ini selain hadits `Aaishah” itu ialah hadits yang tsabit (sahih).” Jika diambil kira pendapat orang-orang yang mengatakan hasan yang digunakan oleh Tirmizi dalam menghukum hadits ini adalah *hasan lighairih* pula, maka ia akan memberi erti hadits `Aaishah ini juga dha`if. Pendapat ini tidak boleh diterima kerana kesemua perawi-perawi yang terdapat di dalam *isnad* hadits ini adalah kuat. Meskipun Isra`il bersendirian (mutafarrid) dalam meriwayatkannya dan tidak ada pula mutaabi`nya menyebabkan hadits ini menjadi *gharib*, namun Isra`il adalah perawi Bukhari dan Muslim. Beliau seorang perawi tsiqah. Riwayatnya bagaimanapun tidak akan jatuh ke taraf dha`if. Ia sekurang-kurangnya hasan jika tidak dapat naik ke tahap sahih sekalipun. Sesetengah `ulama` berpendapat hadits-hadits daripada sahabat-sahabat lain selain `Aaishah tidak sampai kepada Tirmizi. Apa yang disebut beliau itu hanyalah sekadar menyatakan ma`lumat yang diketahui beliau sahaja. Hadits-hadits yang dikatakan tidak sampai kepada Tirmizi atau tidak diketahui Tirmizi itu ada enam kesemuanya. (1) Hadits Anas yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah di dalam Sunannya. Begini lafaznya: حَدَّثَنَا هَارُونُ بْنُ إِسْحَقَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ الْمُخَارِبِيُّ عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ مُسْلِمٍ عَنْ الْحَسَنِ وَقَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ مِنَ الْخَلَاءِ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي Bermaksud: Kata Anas: Nabi s.a.w. apabila keluar dari tandas mengucapkan: “Segala puji bagi Allah Tuhan yang menghilangkan gangguan (kekotoran) daripadaku dan mengafiatkan daku.” Hadits ini dha`if kerana di dalam isnadnya ada Isma`il bin Muslim al-Makhzumi al-Makki. Dia seorang perawi dha`if. (2) Hadits Abu Zarr yang diriwayatkan oleh Ibnu as-Sunni dan an-Nasaa`i di dalam `Amalul Yaumi wal Lailah masing-masing. Lafaznya sama saja dengan lafaz hadits Anas di atas. Isnadnya juga dha`if. Di dalam isnadnya ada Abil Faidh al-Azdi seorang perawi dha`if. Dia pula tidak sempat bertemu dengan Abi Zarr. (3) Ibnu al-Jauzi di dalam al-`Ilal al-Mutanahiyahnya meriwayatkan hadits yang sama daripada Sahal bin Abi Hatsmah. Di dalam isnadnya juga ada Abil Faidh al-Azdi tadi. (4) Hadits mursal Thawus yang diriwayatkan oleh ad-Daaraquthni dan al-Baihaqi di dalam sunan masing-masing. Di dalam salah satu isnad Baihaqi dikatakan Thawus